



Ruj. Kami : KPM.BPSM.S.500-5/4/36 (1)
Tarikh : 28 Disember 2020

Semua Ketua Bahagian/ Jabatan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

Semua Ketua Jabatan Badan-Badan Berkanun
Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**CADANGAN PENCALONAN BAGI PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT KEHORMAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk surat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bernombor rujukan PSUKPP/07/0508/1/2/20 (13) mengenai perkara di atas. (Sesalinan dilampirkan).

2. Sukacita dimaklumkan bersempena dengan Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 10 Julai 2021, Tuan Yang Terutama Tun telah berkenan untuk mempelawa pencalonan bagi pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dijemput untuk mengemukakan pencalonan pegawai yang berkelayakan bagi pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormat tersebut. **Pencalonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) dengan menggunakan Sistem Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kehormat**

Negeri Pulau Pinang (ePingat) yang boleh diakses dengan melayari <https://epingat.penang.gov.my>. Manual mengenai langkah-langkah penggunaan ePingat juga boleh diperoleh melalui laman sesawang berkenaan.

4. Semua pencalonan hendaklah mematuhi syarat serta panduan yang telah ditetapkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pencalonan hendaklah menggunakan borang pencalonan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Permohonan yang menggunakan borang yang salah tidak akan diproses. Kategori pencalonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori
1	Perkhidmatan Awam
2	Pertubuhan/ NGO/ Parti Politik

5. Ketua Jabatan dikehendaki mengenalpasti dan mencalonkan pegawai berkeelayakan daripada **pelbagai gred dan skim perkhidmatan** yang mempunyai kriteria-kriteria umum seperti berikut:

- (i) anak kelahiran negeri yang menawarkan pencalonan (keutamaan);
- (ii) pernah atau sedang berkhidmat dan berjasa serta memberi sumbangan besar di negeri yang menawarkan pencalonan;
- (iii) telah menunjukkan prestasi yang baik dengan memperoleh markah purata Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (LNPT terkini);
- (iv) bebas dari siasatan/ tindakan tatatertib/ Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan
- (v) kriteria tambahan lain adalah seperti garis panduan pencalonan yang telah ditetapkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan juga dimohon untuk mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (i) **borang pencalonan asal** yang dimuat turun di laman sesawang yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh Ketua Jabatan dihantar sebanyak **satu (1)** salinan; dan
- (ii) senarai nama dan asas-asas pencalonan **semua pegawai yang dicalonkan** bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 seperti di **Lampiran A** dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy*.

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk **mencalonkan hanya pegawai yang layak/ sesuai dengan pengiktirafan dan pengurniaan** yang dicadangkan.

8. Semua dokumen yang diperlukan di para 6 (i) dan 6 (ii) di atas hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **25 Januari 2021 (Isnin)** ke alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Naik Pangkat Bukan Guru, Cawangan Naik Pangkat)

Pencalonan yang diterima **selepas tarikh tutup permohonan di peringkat kementerian (25 Januari 2021) tidak akan dipertimbangkan.**


9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan boleh merujuk kepada pegawai cawangan ini iaitu Cik Nurfarah Ellina Binti Hazman (nurfarah.ellina@moe.gov.my) di talian 03-8884 7884.

10. Kerjasama dan tindakan awal daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AIDA MAIZURA BINTI MAZLAN)

Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan YB Menteri Pendidikan

Semua Setiausaha Sulit Kanan Timbalan Menteri Pendidikan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Setiausaha Bahagian (Kanan)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia

ASAS-ASAS PENCALONAN ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2021

Bil.	Nama No. Kad Pengenalan Jawatan dan Gred Maklumat Perkhidmatan dan Sumbangan	Anugerah Yang Telah Dikurniakan	Anugerah Yang Dimohon	Markah LNPT	Asas/ asas pencalonan
1.	<p>ENCIK XXXXXXXXXXXXX NO. K/P : XXXXXX-XX-XXXX Pengarah Gred Utama C. Bahagian XXXXXXXXXXXXXXXX, Kementerian Pendidikan Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Telah berkhidmat selama 30 tahun dalam Perkhidmatan Awam (1990- sekarang). - Jawatan-jawatan yang pernah disandang: <ul style="list-style-type: none"> • Jun 2008 – kini Pengarah Bahagian XXXX, KPM. • Mei 2000 – Mei 2008 Pen. Pengarah Bahagian xxxx • - Sumbangan <ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah undangan Kursus Peningkatan Keilmuan Profesional Keguruan, Aminudin Baki (tahun 2018); • 	Pingat Perkhidmatan Setia (P.P.S.) (Persekutuan) 2000 Pingat Perkhidmatan Bakti (P.P.B.) (Sarawak) 2005 Johan Setia Mahkota (J.S.M.) (Pulau Pinang) 2011	Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N)	2018 – 90% 2019 – 90% 2020 – 90%	Pegawai mempunyai pengalaman yang luas dalam Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan telah berkhidmat selama 30 tahun. Pegawai ini telah banyak memberikan sumbangan dalam